

Untuk mengelakkan keraguan, versi asal [Soal dan Jawab](#) dalam Bahasa Inggeris yang diterbitkan di laman sesawang ICMA merupakan versi rasmi dokumen ini. Terjemahan ini hanya untuk tujuan maklumat sahaja.

Soal dan Jawab

I Bon Hijau

- 1 Apakah definisi bon hijau?
- 2 Adakah terdapat senarai rasmi yang menyenaraikan setiap bon hijau yang diterbitkan?
- 3 Apakah kelebihan menerbitkan bon hijau?
- 4 Bolehkah bon projek menjadi bon hijau?
- 5 Apakah perbezaan antara bon hijau, bon iklim, bon alam sekitar, bon sosial, bon lestari dan bon ESG?
- 6 Adakah bon hijau akan menjadi kelas aset yang berasingan?
- 7 Bagaimanakah pelabur boleh mengenal pasti kelayakan bon sebagai bon hijau jika penerbit tidak merujuk kepada GBP?
- 8 Bolehkah bon hijau menjadi “mungkir” apabila tidak lagi mematuhi saranan GBP?

II Umum

- 1 Adakah GBP sebuah institusi kawal selia?
- 2 Adakah penerbit perlu membuktikan bahawa projek tidak dapat dijalankan tanpa terbitan bon hijau?
- 3 Apakah perbezaan Kategori Projek Hijau yang layak di bawah GBP berbeza dengan taksonomi lain yang tersedia kepada umum?
- 4 Bagaimanakah GBP disejajarkan dengan inisiatif berkaitan perubahan iklim antarabangsa, seperti Perjanjian Paris, atau Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG)?
- 5 Bolehkah penerbit yang mempunyai penarafan ESG yang rendah, terdedah kepada isu kontroversi atau sektor/teknologi kontroversi (seperti bahan api fosil atau tenaga nuklear) menerbitkan bon hijau?
- 6 Bolehkah syarikat “*pure play*” menerbitkan bon hijau? Adakah semua bon daripada syarikat “*pure play*” secara automatik menjadi bon hijau?

- 7 Adakah semakan luaran diperlukan?
- 8 Adakah perbezaan antara bon hijau yang diperakui, disahkan dan diberikan penarafan?

III Penggunaan hasil kutipan

- 1 Adakah GBP menyediakan piawaian yang jelas bagi mentakrifkan projek atau aktiviti yang layak sebagai hijau? Adakah kategori projek GBP menyeluruh?
- 2 Adakah semua bon hijau perlu dikaitkan dengan isu-isu iklim?
- 3 Adakah semua projek kuasa hidro layak untuk dibiaya oleh bon hijau, tanpa mengambil kira saiz?
- 4 Adakah suatu projek layak dikira sebagai projek hijau di bawah GBP jika projek tersebut meningkatkan kecekapan tenaga dengan pengeluaran bahan api fosil atau proses perindustrian yang berkaitan dengan pengeluaran bahan api fosil?
- 5 Bagaimanakah penerbit boleh berlaku telus mengenai usia projek yang dibiayai semula?
- 6 Adakah aset tak ketara (seperti pendidikan, pemantauan, R&D, kredit cukai) atau perbelanjaan layak dibiayai untuk bon hijau? Bagaimanakah pelabur menilai kelayakannya?

IV Bon sosial dan bon lestari

- 1 Apabila bon membiayai projek yang mempunyai kedua-dua manfaat sosial dan alam sekitar, seperti kelestarian perumahan sosial, kelestarian pengangkutan awam dan akses kepada air bersih, bolehkah penerbit memilih dengan bebas penetapan bon sama ada sebagai bon hijau, bon sosial atau bon lestari?
- 2 Bolehkan penerbit menerbitkan bon hijau, sosial atau lestari di mana tidak semua hasil kutipan diperuntukkan kepada projek hijau dan/atau sosial?
- 3 Adakah terdapat perbezaan antara bon sosial dan bon impak sosial?

V Menyertai komuniti GBP dan SBP

- 1 Bagaimanakah saya boleh menjadi ahli atau pemerhati GBP dan SBP, dan mengambil bahagian secara aktif dalam dialog bersama komuniti?
- 2 Bagaimanakah Jawatankuasa Eksekutif dipilih?
- 3 Adakah Kumpulan Kerja yang ada dan bagaimanakah saya boleh melibatkan diri?

PENAFIAN

Dokumen ini telah disediakan untuk tujuan memberi maklumat berhubung bon hijau, sosial dan lestari. Ia bukan dokumen tambahan kepada ataupun tafsiran Prinsip Bon Hijau (GBP), Prinsip Bon Sosial (SBP) dan/atau Garis Panduan Bon Lestari (SBG). Untuk maklumat lanjut mengenai garis panduan dan saranan GBP, SBP dan SBG, sila rujuk kepada edisi terkini dokumen-dokumen ini, yang dikeluarkan oleh Sekretariat. Terma-terma yang ditakrifkan dalam GBP, SBP dan SBG mempunyai maksud yang sama apabila digunakan dalam dokumen ini.

Soal dan Jawab

I Bon Hijau

1 **Apakah definisi bon hijau?**

GBP mentakrifkan bon hijau sebagai instrumen bon di mana hasil kutipannya akan diguna pakai secara eksklusif untuk membiaya atau membiaya semula sebahagian atau keseluruhan projek hijau baharu dan/atau sedia ada yang layak dengan manfaat alam sekitar yang jelas (sila lihat Bahagian 1 – Penggunaan Hasil Kutipan GBP) dan yang sejajar dengan empat komponen teras GBP.

2 **Adakah terdapat senarai rasmi yang menyenaraikan setiap bon hijau yang diterbitkan?**

GBP menyediakan kepada pihak awam di Resource Centre, senarai tidak menyeluruh, penerbit yang telah menyiarkan laporan semakan luaran dan melengkapkan templat maklumat pasaran yang membolehkan penerbit bon hijau mengesahkan kesejajaran bon hijau mereka dengan GBP kepada pihak awam. Terdapat beberapa senarai, pangkalan data atau indeks yang dikemas kini oleh bursa, penyedia data pasaran, Inisiatif Bon Iklim (CBI) atau penyedia pendapat luaran berdasarkan kriteria mereka sendiri. Pangkalan Data dan Indeks Kumpulan Kerja GBP juga telah menerbitkan ringkasan pangkalan data bon hijau dan penyedia indeks yang boleh diperolehi secara dalam talian di Resource Centre.

3 **Apakah kelebihan menerbitkan bon hijau?**

Dengan bon hijau, penerbit menyatakan komitmen mereka dalam menangani isu hijau dan alam sekitar, kedua-duanya secara luaran dan dalaman, dengan membiayai Projek dengan manfaat alam sekitar yang jelas. Mereka juga boleh memperoleh lebih kepelbagaian dalam pangkalan pelabur mereka, sekali gus menghasilkan potensi peningkatan dalam permintaan dan kelebihan yang berkaitan.

4 **Bolehkah bon projek menjadi bon hijau?**

Ya, bon projek boleh menjadi bon hijau jika ia layak sebagai hijau dan sejajar dengan empat komponen teras GBP.

5 **Apakah perbezaan antara bon hijau, bon iklim, bon alam sekitar, bon sosial, bon lestari dan bon ESG?**

Sebagaimana yang ditakrifkan oleh GBP, bon hijau merangkumi bon iklim dan alam sekitar selagi ia sejajar dengan empat komponen teras GBP. Prinsip Bon Sosial (SBP) menyediakan definisi bagi bon sosial, manakala Garis Panduan Bon Lestari (SBG) menyediakan definisi bagi bon lestari. Ciri-ciri yang

sama bagi bon hijau, bon sosial dan bon lestari ialah penggunaan hasil kutipan yang telah ditentukan terlebih dahulu dan kesejajaran dengan satu set kriteria yang sama secara sukarela. Penerbit digalakkan untuk menggunakan penetapan bon hijau, bon sosial dan bon lestari, sebagaimana sesuai, setiap kali terbitan mereka sejajar dengan empat komponen teras GBP dan SBP. Bon Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) turut menyepadukan kriteria tadbir urus yang bukan merupakan ciri dalam GBP, SBP atau SBG; dan boleh merujuk kepada bukti kelayakan kelestarian penerbit secara menyeluruh dan bukannya penggunaan hasil kutipan yang khusus.

6 Adakah bon hijau akan menjadi kelas aset yang berasingan?

Oleh sebab ciri-ciri risiko dan pulangan keseluruhan bon hijau tidak berbeza dengan risiko dan pulangan keseluruhan bon bukan hijau, ia tidak memenuhi kesemua kriteria yang biasanya dianggap perlu untuk layak sebagai kelas aset yang berasingan. Walau bagaimanapun, sesetengah pelabur tidak bersetuju, dan semakin ramai pelabur melaraskan proses pelaburan atau peruntukan untuk mendapat pendedahan kepada bon hijau dalam cubaan untuk menyumbang secara aktif kepada impak positif yang berkaitan dengan bon hijau.

7 Bagaimanakah pelabur boleh mengenal pasti kelayakan bon sebagai bon hijau jika penerbit tidak merujuk kepada GBP?

Bergantung pada penerbit untuk mengesahkan kesejajaran dengan GBP. Sesetengah penyedia maklumat kewangan dan indeks, seperti Bloomberg dan MSCI, menyediakan definisi yang lebih luas dan saling melengkapi yang mana pautannya boleh diperoleh di Resource Centre.

8 Bolehkah bon hijau menjadi “mungkir” apabila tidak lagi mematuhi saranan GBP?

Kesejajaran dengan garis panduan GBP adalah secara sukarela. Walau bagaimanapun, penerbit hendaklah menyatakan dalam pelaporan mereka sama ada bon hijau mereka masih sejajar dengan saranan GBP, dan akan terdedah kepada risiko reputasi yang signifikan jika bon hijau mereka tidak memenuhi janji alam sekitar mereka dan tidak lagi sejajar dengan GBP.

II Umum

1 Adakah GBP sebuah institusi kawal selia?

Tidak, GBP ialah garis panduan sukarela, berlainan dengan rangka kerja mandatori. Pada kebiasaannya, GBP dikemas kini setiap tahun berdasarkan rundingan bersama ahli-ahli dan pemerhati-pemerhati, melalui Jawatankuasa Eksekutifnya, yang terdiri daripada 24 peserta pasaran yang dipilih oleh ahli-ahli GBP.

2 Adakah penerbit perlu membuktikan bahawa projek tidak dapat dijalankan tanpa terbitan bon hijau?

Tidak. Tujuan pasaran bon hijau adalah untuk membiaya atau membiaya semula projek yang menyumbang kepada kelestarian alam sekitar tanpa mengira sama ada cara pembiayaan yang lain telah terlebih dahulu/tersedia.

3 Apakah perbezaan Kategori Projek Hijau yang layak di bawah GBP dengan taksonomi lain yang tersedia kepada umum?



GBP menyediakan kategori projek pada tahap induk. Kategori ini boleh dilengkapi oleh taksonomi terperinci seperti yang disediakan oleh Inisiatif Bon Iklim dan Bank Pembangunan Pelbagai Hala. Pautan kepada taksonomi ini boleh didapati di Resource Centre.

4 Bagaimanakah GBP disejajarkan dengan inisiatif berkaitan perubahan iklim antarabangsa, seperti Perjanjian Paris, atau Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG)?

GBP ialah garis panduan sukarela yang didrafkan oleh sektor swasta untuk menggalakkan amalan terbaik dari segi ketelusan dan penzahiran dalam pasaran bon hijau. Perjanjian Paris ialah persetujuan antarabangsa di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. SDG adalah sebahagian daripada agenda Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berhubung pembangunan kelestarian. Walaupun sejajar dengan matlamat inisiatif ini, GBP kekal berasingan dan bebas sebagai inisiatif yang dipacu oleh pasaran. Meskipun kategori projek layak dalam GBP meliputi intervensi berkaitan perubahan iklim, ia juga termasuk projek yang memberi perhatian kepada kebimbangan terhadap alam sekitar yang lebih meluas. Bon Hijau secara amnya menyokong pembiayaan aktiviti yang dijalankan bagi mematuhi Sumbangan Ditetapkan Di Peringkat Nasional (NDC) dan SDG. Walau bagaimanapun, tidak semua 17 SDG boleh dihubungkan dengan kategori projek layak GBP dan/atau SBP yang terkini.

5 Bolehkan penerbit yang mempunyai penarafan ESG yang rendah, terdedah kepada isu kontroversi atau sektor/teknologi kontroversi (seperti bahan api fosil atau tenaga nuklear) menerbitkan bon hijau?

Tumpuan bon hijau adalah ke atas projek yang layak dan bukannya penerbit. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa GBP menyarankan agar penerbit memaklumkan dengan jelas kepada pelabur mereka berkenaan objektif kelestarian alam sekitar secara menyeluruh, dan bagaimana mereka akan mengenal pasti dan menguruskan potensi risiko alam sekitar dan sosial berkaitan dengan projek yang dipilih. Ramai pelabur mempertimbangkan profil penerbit dan mengambil kira kualiti profil dan prestasi keseluruhan penerbit berhubung kelestarian alam sekitar. Dalam hal isu kontroversi, seperti bahan api fosil, penguraian atau aktiviti berasaskan nuklear, atau kelayakan kelestarian menyeluruh yang terhad, pelabur, bursa saham, penyedia indeks dan peserta pasaran lain mungkin juga memerlukan ketelusan tambahan daripada penerbit, terutamanya berkaitan kepentingan strategik kelestarian bagi perniagaan, demonstrasi peralihan penerbit dan/atau manfaat kelestarian daripada projek pendasar yang melebihi norma dan perniagaan biasa sektor yang telah mantap.

6 Bolehkah syarikat “pure play” menerbitkan bon hijau? Adakah semua bon daripada syarikat “pure play” secara automatik menjadi bon hijau?

Bon yang diterbitkan oleh syarikat yang mana aktiviti perniagaannya memberi tumpuan secara eksklusif ke atas ekonomi hijau (“pure play”) hanya disifatkan sebagai bon hijau jika ia dengan jelas sejajar dengan GBP (sila lihat definisi Bon Hijau di atas). GBP, walau bagaimanapun, mengiktiraf bahawa terdapat bidang yang lebih meluas bagi bon bertemakan iklim dan/atau alam sekitar yang mana bon “pure play”(yang tidak sejajar secara nyata dengan GBP) merupakan sebahagiannya.

7 Adakah semakan luaran diperlukan?

GBP menyarankan agar penerbit menggunakan semakan luaran untuk mengesahkan kesejajaran bon hijau mereka dengan ciri-ciri utama GBP. Di samping itu, Pelabur menghargai/mengalu-alukan pendapat, pengesahan dan perakuan pihak kedua yang diberikan oleh pengulas luaran.

8 Apakah perbezaan antara bon hijau yang diperakui, disahkan dan diberikan penarafan?

PendekatanPendekatan yang berbeza wujud untuk memberikan penilaian luaran bagi bon hijau. Pendekatan yang paling biasa ada disenaraikan dalam bahagian semakan luaran GBP dan SBP. Penyedia dan jenis semakan yang berlainan cuba mencapai objektif yang berbeza dengan skop dan tahap kerapian yang berbeza. Penyedia semakan luaran digalakkan untuk memasukkan skop kerja mereka dan melengkapkan templat yang boleh didapati di Resource Centre untuk menerangkan pendekatan mereka.

III Penggunaan hasil kutipan

1 Adakah GBP menyediakan piawaian yang jelas bagi mentakrifkan projek atau aktiviti yang layak sebagai hijau? Adakah kategori projek GBP menyeluruh?

GBP hanya menyediakan cadangan kategori hijau secara umum, tetapi menggalakkan penerbit membuat rujukan kepada piawaian dan taksonomi sedia ada (seperti label dan akreditasi bagi sektor khusus) dan/atau membangunkan rangka kerja mereka sendiri. Projek juga boleh merujuk kepada beberapa kategori, atau tergolong dalam kategori yang tidak disenaraikan secara nyata oleh GBP.

2 Adakah semua bon hijau perlu dikaitkan dengan isu-isu iklim?

Tidak, GBP menumpukan perhatian kepada empat bidang kebimbangan utama iaitu perubahan iklim, penyusutan sumber semula jadi, kehilangan biodiversiti, serta pencemaran udara, air dan tanah. Sebarang projek yang memberi manfaat alam sekitar yang jelas dalam bidang ini boleh dibiayai melalui bon hijau.

3 Adakah semua projek kuasa hidro layak untuk dibiaya oleh bon hijau, tanpa mengambil kira saiz?

GBP menyatakan bahawa projek tenaga boleh baharu, seperti tenaga hidro, berpotensi untuk layak dibiayai oleh bon hijau, tanpa mengira saiznya. Tambahan pula, GBP menyarankan agar penerbit memaklumkan dengan jelas kepada pelabur mereka tentang objektif menyeluruh kelestarian alam sekitar mereka, dan bagaimana mereka akan mengenal pasti, dan menguruskan potensi risiko alam sekitar dan sosial berkaitan dengan projek yang dipilih yang akan dibiayai oleh bon hijau. Ia juga menyarankan agar penerbit menggunakan semakan luaran untuk memberikan nasihat berhubung kelestarian alam sekitar dan jangkaan impak projek yang akan dibiaya. Perlu diingatkan bahawa pelabur, bursa saham, penyedia indeks dan peserta pasaran lain mempertimbangkan Bon Hijau terhadap piawaian penilaian alam sekitar dan kriteria pelaburan mereka sendiri, termasuk keperluan ESG yang lebih meluas.

4 Adakah suatu projek layak dikira sebagai bon hijau di bawah GBP jika projek tersebut meningkatkan kecekapan tenaga dengan pengeluaran bahan api fosil atau proses perindustrian yang berkaitan dengan pengeluaran bahan api fosil?

Projek itu berpotensi untuk layak, selagi pembiayaan bon bagi projek tersebut sejajar dengan empat komponen teras GBP. GBP menyarankan agar penerbit memaklumkan dengan jelas kepada pelabur tentang objektif kelestarian alam sekitar mereka, dan bagaimana mereka akan mengenal pasti dan menguruskan potensi risiko alam sekitar dan sosial berkaitan dengan projek. Ia juga menyarankan agar penerbit menggunakan semakan luaran untuk memberi nasihat tentang kelestarian alam sekitar dan jangkaan impak projek yang akan dibiayai. Pelabur, bursa saham, penyedia indeks dan peserta pasaran lain juga mempertimbangkan Bon Hijau terhadap piawaian penilaian alam sekitar dan kriteria pelaburan mereka sendiri yang mungkin menetapkan had bagi peningkatan kecekapan tenaga dan memasukkan keperluan ESG yang lebih meluas. Sesetengah peserta pasaran dan pihak berkepentingan mengecualikan bon yang membiayai projek berkaitan bahan api fosil, manakala sesetengah yang lain mungkin berbuat demikian, contohnya, memasukkan pelaburan cekap tenaga yang tidak memudahcarakan penetapan jangka panjang infrastruktur berkarbon tinggi. Beberapa organisasi, termasuk Bank Pembangunan Pelbagai Hala, Institusi Kewangan Pembangunan dan CBI telah membangunkan piawaian bagi kecekapan tenaga dalam sektor bahan api fosil yang mana peserta pasaran digalakkan untuk merujuk kepadanya.

5 Bagaimanakah penerbit boleh berlaku telus mengenai usia projek yang dibiayai semula?

GBP menyarankan agar penerbit menjelaskan projek mana yang akan dibiayai semula dan mendedahkan setakat relevan, jangkaan tempoh semakan kembali (*look-back period*) (iaitu bilangan tahun sebelumnya yang akan dilihat balik oleh penerbit) untuk projek yang dibiayai semula ini.

6 Adakah aset tak ketara (seperti pendidikan, pemantauan, R&D, kredit cukai) atau perbelanjaan layak dibiayai untuk bon hijau? Bagaimanakah pelabur menilai kelayakannya?

Hasil Kutipan daripada bon hijau boleh digunakan untuk membiayai atau membiayai semula perbelanjaan lain berkaitan dengan atau yang menyokong projek hijau yang layak, selagi ia boleh dikaitkan dengan manfaat alam sekitar yang jelas. GBP menyarankan agar penerbit menggunakan semakan luaran untuk membantu pelabur menilai kesejajaran bon dengan empat komponen teras GBP, termasuk manfaat alam sekitar projek yang akan dibiayai semula.

IV Bon sosial dan bon lestari

1 Apabila bon membiayai projek yang mempunyai kedua-dua manfaat sosial dan alam sekitar, seperti kelestarian perumahan sosial, kelestarian pengangkutan awam dan akses kepada air bersih, bolehkah penerbit memilih dengan bebas penetapan bon sama ada sebagai bon hijau, bon sosial atau bon lestari?

Ya, (selagi bon sejajar dengan empat komponen teras GBP atau SBP). Penerbit hendaklah menentukan penetapan bergantung pada keutamaan objektif dihasratkan bagi projek pendasar. Di mana fokus utama adalah kepada objektif alam sekitar projek yang dihasratkan, mereka hendaklah melabelkan bon sebagai Bon Hijau. Di mana fokus utama adalah kepada objektif sosial projek yang dihasratkan, mereka hendaklah melabelkan bon sebagai Bon Sosial. Garis Panduan Bon Lestari telah dibangunkan untuk bon yang memasukkan kedua-dua projek sosial dan hijau. Suatu terbitan hendaklah tergolong dalam hanya satu daripada tiga kategori yang disebut di atas, dan penerbit dengan itu hendaklah mengelakkan daripada menggunakan penetapan berbilang bagi urus niaga

yang sama, meskipun projek hijau mungkin mempunyai manfaat sosial dan begitu juga sebaliknya, projek sosial mungkin mempunyai manfaat alam sekitar.

2 Bolehkah penerbit menerbitkan bon hijau, sosial atau lestari di mana tidak semua hasil kutipan diperuntukkan kepada projek hijau dan/atau sosial?

Tidak. Bon hijau, sosial atau lestari mesti mempunyai 100% hasil kutipan yang dikhususkan kepada projek hijau dan sosial. Oleh sebab projek boleh dibayar sepanjang suatu tempoh, mungkin terdapat hasil kutipan bon yang belum diperuntukkan untuk sementara, dan penerbit hendaklah menyatakan dengan jelas bagaimana hasil kutipan yang belum diperuntukkan itu dilaburkan/akan dilaburkan untuk sementara waktu.

3 Adakah terdapat perbezaan antara bon sosial dan bon impak sosial?

Bon impak sosial, juga dirujuk sebagai instrumen dibayar berdasarkan prestasi, biasanya merujuk kepada perkongsian awam-swasta, di mana aliran tunai urus niaga adalah bergantung pada pencapaian metrik prestasi bukan kewangan yang ditakrifkan terlebih dahulu dan umumnya tidak berkongsi ciri-ciri biasa bon. Sebaliknya, bon sosial ialah instrumen bon di mana hasil kutipan diguna pakai secara eksklusif untuk membiaya atau membiaya semula sebahagian atau keseluruhan projek baharu dan/atau sedia ada dengan manfaat sosial yang positif dan yang sejajar dengan 4 komponen Prinsip Bon Sosial.

V Menyertai komuniti GBP dan SBP

1 Bagaimanakah saya boleh menjadi ahli atau pemerhati GBP dan SBP, dan mengambil bahagian secara aktif dalam dialog bersama komuniti?

Organisasi yang terlibat dalam pasaran bon hijau, bon sosial atau bon lestari atau secara amnya dalam pembiayaan hijau dan sosial dipelawa untuk memohon menyertai GBP sama ada sebagai ahli atau pemerhati. Untuk butiran lanjut, sila layari laman sesawang Principles Memberships.

2 Bagaimanakah Jawatankuasa Eksekutif dipilih?

Jawatankuasa Eksekutif dibentuk oleh 24 buah organisasi dengan pengagihan sama rata antara pelabur, penerbit dan penaja jamin dengan 8 wakil daripada setiap kategori. Setiap tahun, separuh daripada kerusi Jawatankuasa Eksekutif dibaharui dengan undian ahli-ahli sebelum AGM selaras dengan tadbir urus.

3 Apakah Kumpulan Kerja yang ada dan bagaimanakah saya boleh melibatkan diri?

Pada masa ini terdapat empat Kumpulan Kerja (Kelayakan Projek Hijau, Pelaporan Impak, Indeks dan Pangkalan Data serta Bon Sosial). Ahli-ahli, pemerhati-pemerhati dan lain-lain pihak berkepentingan pasaran yang berminat untuk melibatkan diri hendaklah menghubungi Sekretariat di e-mel berikut greenbonds@icmagroup.org, socialbonds@icmagroup.org, sustainabilitybonds@icmagroup.org.



PENAFIAN

Dokumen ini bertujuan memberi maklumat mengenai bon hijau, sosial dan lestari. Ia bukan dokumen tambahan kepada ataupun tafsiran Prinsip Bon Hijau (GBP), Prinsip Bon Sosial (SBP) dan/atau Garis Panduan Bon Lestari (SBG). Untuk maklumat lanjut mengenai garis panduan dan saranan GBP, SBP dan SBG, sila rujuk kepada edisi terkini dokumen-dokumen ini, sebagaimana diterbitkan oleh Sekretariat. Terma-terma yang ditakrifkan dalam GBP, SBP dan SBG mempunyai maksud yang sama apabila digunakan dalam dokumen ini.